

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan faktor yang diambil oleh Kementerian dalam menentukan destinasi rintis program *COVID-19 Free Destination* dan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan Labuan sebagai destinasi rintis memandangkan penduduk Labuan telah mencapai imuniti kelompok dan kadar vaksinasi golongan dewasa akan mencapai 100% dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Inisiatif Gelembung Pelancongan Domestik yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Pelan Pemulihan Pelancongan telah mengambil kira banyak faktor dan implikasi terhadap ekonomi, kesejahteraan rakyat dan sensitiviti masyarakat.
2. Keputusan kerajaan untuk memilih Langkawi sebagai destinasi rintis untuk Gelembung Pelancongan bermula 16 September 2021 adalah setelah melalui pertimbangan dan penilaian yang sewajarnya serta unik berdasarkan data khusus di Langkawi. Beberapa siri libat urus membabitkan pelbagai pihak termasuklah penggiat industri dan turut membabitkan pakar-

pakar yang arif dari sudut kawalan risiko, telah diadakan bagi mendapatkan formula terbaik untuk menjayakan inisiatif ini.

3. Penilaian ini, antara lain meliputi:

- (i) kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa di Langkawi merangkumi penduduk tempatan dan *frontliners* industri pelancongan;
- (ii) tahap ketersediaan pemain industri dan produk pelancongan; serta
- (iii) tahap kesediaan pihak-pihak berkuasa berkaitan.

4. SOP Gelembung Pelancongan Langkawi telah dibangunkan agar kita dapat mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 di kalangan pelancong dan juga penduduk tempatan Langkawi. Ini bagi memastikan bahawa Gelembung Pelancongan Langkawi ini kekal “hijau”.

5. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober 2021 telah mengumumkan kebenaran semula aktiviti rentas negeri, termasuk untuk tujuan pelancongan, bermula hari ini, Isnin, 11 Oktober 2021. Dengan perkembangan ini, pelancongan domestik diyakini akan kembali rancak dan seterusnya menjadi pemangkin untuk membantu industri ini pulih semula.

Sekian, terima kasih.